

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jelaskan apakah yang dilakukan oleh Kementerian bagi menggalakkan perkongsian antara universiti penyelidikan untuk menghasilkan ciptaan bertaraf dunia, dan mengelakkan saingan yang tidak sihat di antara mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menggalakkan perkongsian dan kerjasama antara Universiti Penyelidikan untuk menghasilkan ciptaan bertaraf dunia. Dalam hubungan ini, KPT telah **membangunkan sistem penarafan peringkat nasional, iaitu Malaysia Research Assessment (MyRA)**, yang diujarkan dengan QS World University Rankings untuk mengukur peningkatan kualiti IPT.

Antara indikator yang terlibat dalam penilaian penarafan ini ialah kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar, kualiti dan kuantiti penyelidik serta penyelidikan, inovasi serta jaringan dan jangkauan. Sistem penarafan ini secara langsung telah meningkatkan daya saing yang sihat antara Universiti Penyelidikan khususnya dalam usaha menghasilkan penemuan yang terbaik dan berkualiti, melalui pewujudan instrumen yang mengambil kira kerjasama antara universiti penyelidikan. Dalam tempoh 2016 hingga 2020, terdapat sebanyak 1,523 kerjasama telah dilaksanakan.

Selain itu, **Kementerian juga telah mewujudkan jalinan kerjasama antara tiga Pusat Kecemerlangan dari IPT berbeza di bawah Program Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP)**. Di bawah inisiatif ini, perkongsian kepakaran adalah tidak tertakluk kepada universiti penyelidikan semata-mata. Langkah ini bagi memantapkan kerjasama antara kumpulan penyelidik dalam penciptaan inovatif dan terkehadapan dalam bidang-bidang strategik. Untuk makluman, aspek jaringan kolaborasi turut dijadikan sebagai salah satu daripada *Key Performance Indicators* (KPI) dalam program KKP bagi memastikan polisi dan ciptaan yang dihasilkan adalah bertaraf dunia dan dapat memberikan impak yang positif kepada komuniti dan negara.

Untuk makluman ahli dewan juga, Program Konsortium ini diwujudkan bagi melatih setiap KKP ke arah mendapat **penarafan *Higher Institution Center of Excellence (HICoE)***. Penarafan HICoE diluluskan di peringkat

NO. SOALAN : 28

KPT untuk memberikan pengiktirafan kepada institut/pusat penyelidikan yang terbaik di Malaysia. HICoE mempunyai KPI yang lebih tinggi termasuk KPI Jaringan Kolaborasi antara universiti. HICoE digalakkan untuk lebih giat menjalankan kerjasama dengan institusi dan agensi luar negara agar penyelidik dapat didedahkan dengan idea-idea baharu dan ciptaan yang lebih kompleks supaya pengetahuan tersebut dapat disumbangkan mengikut keperluan negara.

KKP dan HICoE diberi penarafan mengikut bidang strategik yang telah ditetapkan selaras dengan *Sustainable Development Goals* (SDG). Dalam hubungan ini, proses permohonan yang ketat dijalankan bagi memastikan penarafan diberikan kepada Pusat Kecemerlangan yang benar-benar layak dan berpotensi bagi mengelakkan saingan yang tidak sihat antara Pusat Kecemerlangan. Prestasi KKP dan HICoE juga dinilai secara dwi-tahunan oleh panel penilai yang berkepakaran serta mampu berkongsi idea dan nasihat yang bernas bagi meningkatkan prestasi dalam setiap tempoh pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian.

Sekian, terima kasih.